

Cukuplah khidmat saya di IKIM — Dr. Ismail

IKIM 21 MAR 2002

KUALA LUMPUR 20 Mac — Datuk Dr. Ismail Ibrahim akan terus menyumbangkan khidmat beliau kepada negara walaupun tidak lagi menyandang jawatan Ketua Pegawai Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mulai 1 April ini.

Kata Ismail, 64, meskipun ditawarkan supaya terus berkhidmat secara kontrak, beliau ingin melihat jawatan itu disandang oleh orang lain.

“Cukuplah khidmat saya di sini selama 10 tahun sejak IKIM ditubuhkan... berilah pula peluang kepada orang baru yang diharap kelak akan lebih baik darinya saya,” katanya kepada *Utusan* pada pertemuan di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau merupakan pengasas IKIM yang beroperasi sejak 1992 hasil ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun Ismail masih memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan.

Beliau yang juga antara pengasas Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 1983, menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 2001 dan turut merupakan ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dilahirkan pada 12 Mei 1937 di Kuala Muda, Kedah, Ismail berkata, beliau berpuas hati dengan pencapaian IKIM sepanjang institut itu beroperasi dan berharap kecemerlangan itu akan dikekalkan oleh bakal penggantinya.

Pengiktirafan

“Saya bangga kerana IKIM dalam usia yang dikira muda turut mendapat pengiktirafan pelbagai pihak sama ada dari dalam mahu pun luar negara, bahkan IKIM juga dirujuk sebagai model Malaysia negara Islam yang sederhana tetapi pragmatik,” katanya.

Beliau memberi contoh kejayaan IKIM menganjurkan lebih 100 seminar dan dialog di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, selain mampu menerbitkan ratusan judul buku, jurnal dan majalah bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap Islam.

Bagaimanapun bagi Ismail, pencapaian yang paling membanggakan sepanjang perkhidmatannya ialah apabila IKIM mampu mengendalikan sebuah stesen radio sendiri, IKIM.fm yang kini semakin mendapat tempat di kalangan pendengar remaja.

Menyentuh bakal penggantinya, beliau menyerahkan sepenuh kepercayaan kepada Dr. Mahathir yang turut melantiknya dahulu.

Beliau percaya Dr. Mahathir yang amat teliti dalam membuat ‘kerja rumah’ pasti telah mempunyai calon jawatan berkenaan.